

MALAYSIA MENUJU NEGARA TUA

Ilmu TVET bukan untuk orang muda sahaja

Bersama
Profesor Madya Ts Dr Ahmad Mubarak Tajul Arifin



B

Usaha melestarikan TVET dalam kalangan warga emas perlu diperkuuhkan untuk memastikan golongan berusia 60 tahun dan ke atas menikmati hak mereka

ersediakah kita dalam melalui fasa negara menua? Negara tua ditakirikan mengikut umur berdasarkan populasi, iaitu penduduk berusia 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah populasi penduduk negara. Berdasarkan rekod Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia diramal menjadi negara tua pada tahun 2050.

Oleh itu, dalam memastikan kelangsungan kehidupan warga emas ketul sihat, aktif dan produktif, perancangan amat penting. Sumbangan warga memastikan ekosistem kehidupan bermasyarakat dimanfaatkan, sekali gus dapat meningkatkan nilai kesejahteraan dan kegembiraan dalam kehidupan.

Tanpa disedari, setiap individu sama ada pelajar remaja, belia muda pun warga emas mempunyai peranan dan tanggungjawab sebagai warga negara. Dewasa ini, Pendidikan Vokasional (TVET) sering kali dibincangkan. Seharusnya, golongan warga emas tidak terkecuali untuk diberi pendekatan berkaitan kursus TVET. Inisiatif ini dapat membantu membudayakan gaya hidup sihat, peningkatan ilmu, menambah kemahiran, dan secara tidak langsung dapat menjanjikan pendapatan tambahan.

Malah, ia juga dapat memupuk aktiviti kemasyarakatan dan membudayakan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini sejarar dengan konsep *University of the Third Age* (U3A) dalam menggalakkan penuaan sihat dan aktif.

Agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH) ini memberi peluang kepada segenap masyarakat, tanpa mengira usia dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang yang diminati.

Justeru, pengenalan kursus TVET kepada warga emas perlu

mempertimbangkan beberapa perkara. Hal ini dengan mengambil kira perubahan kepada keupayaan fizikal (psikomotor) dan kemahiran kognitif disebabkan oleh faktor usia. Warga emas yang berminat dalam kursus tertentu perlu memastikan kemampuan diri dan berkeupayaan dalam kursus yang dipilih.

Antara kursus TVET yang menyelar untuk diikuti adalah kemahiran kraf, kemahiran penanaman, kemahiran berrukang, kemahiran pastri dan bakeri, kemahiran gubahan, kemahiran anyaman dan pemahaman keusahawanan.

Selari dengan era teknologi digital pada masa kini, warga emas juga tidak ketinggalan perlu menguasai teknologi. Kursus TVET yang berkaitan teknologi dapat ditawarkan kepada warga emas, antaranya aplikasi perakaunan mudah alih, aplikasi reka bentuk, aplikasi jualan dalam talian dan aplikasi cetakan.

Pendedahan ilmu digital kepada warga emas dapat membantu mereka mengadaptasi kehidupan masa kini, berseusuan dengan konteks pemindahan ilmu kepada generasi muda. Strategi tertentu perlu dirancang dan dibuat penilaian dalam memastikan usaha ini mendapat sambutan dan penyertaan warga emas.

Promosi dan faktor penggalak penting dapat membantu memastikan inisiatif ini dapat menarik minat warga emas. Pertimbangan bagi lokasi, kemudahan dan fasiliti oleh penyedia kursus perlu diberi perhatian. Secara unumnya, terdapat keperluan untuk mengkaji demografi sesuatu

dengan lebih baik.

Kini, terdapat pelbagai institusi TVET yang menawarkan kursus berkaitan, sama ada diikuti secara jangka pendek atau jangka panjang.

Dengan pelbagai tahap pensijilan yang ditawarkan dan pilihan, untuk menjalani kursus secara separuh masa atau sepenuh masa. Dengan sokongan institusi berkaitan dan didokong oleh inisiatif pihak kerajaan, seharusnya usaha memartabarkan TVET dilaksanakan.

Bahkan dalam kalangan warga emas juga dapat menyumbang kepadaan mereka dalam bidang-bidang tertentu. Hal ini dapat memastikan adanya kesinambungan ilmu, dalam konteks pemindahan ilmu kepada generasi muda. Strategi dibuat penilaian dalam memastikan usaha ini mendapat sambutan dan penyertaan warga emas.

Promosi dan faktor penggalak penting dapat membantu memastikan inisiatif ini dapat menarik minat warga emas.

Pertimbangan bagi lokasi, kemudahan dan fasiliti oleh penyedia kursus perlu diberi perhatian. Secara unumnya, terdapat keperluan untuk mengkaji demografi sesuatu

tempat, seterusnya menawarkan kursus TVET yang bersesuaian. Tambahan itu, melalui penyertaan kursus itu juga dapat membantu warga emas membina jalinan kolaborasi, meningkatkan pergaulan, mencambah mina dan meningkatkan kesihatan. Umumnya, melalui penyertaan warga emas dalam kursus TVET yang bersesuaian membantu melestarikan peranan mereka dalam komuniti setempat, meningkatkan daya usaha dan pencapaian semangat. Usaha melestarikan TVET dalam kalangan warga emas perlu diperkuuhkan, dengan kerjasama dan rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan golongan warga emas menikmati hak. Secara tidak langsung, ia menyemarakkan lagi hasrat kerajaan dalam memastikan TVET menjadi pilihan utama, selaras dengan usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Penulis Ketua Jabatan, Keusahawanan, Daya Usaha dan Inovasi dan Sastera Liberal, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)